

# Cadang bina rumah kos rendah di tanah kerajaan

**PETALING JAYA:** Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dicadang membina rumah kos rendah di bawah RM90,000 di atas tanah kerajaan sebagai tanggungjawab sosial dalam semakan semula Dasar Perumahan Negara (DPN).

Timbalan Ketua Pegawai Operasi 1, MK Land Holdings Berhad (MK Land), Ahmad Soalahuddin Al-Thani berkata, cadangan tersebut bertujuan untuk membolehkan kerajaan menyediakan pilihan rumah kos rendah.

"Langkah ini bertujuan menyediakan pilihan rumah kos rendah kepada isi rumah berpendapatan rendah dengan membina rumah yang mampu dimiliki oleh penduduk yang disasarkan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.



**PEMBINAAN** rumah di tanah kerajaan memberikan rakyat lebih pilihan rumah kos rendah. - GAMBAR HIASAN

Menurut Ahmad Soalahuddin, langkah berkenaan meru-

pakan salah satu cadangan syarikat hartanah berkenaan kepada KPKT susulan pengu-

muman kajian semula DPN berdasarkan rangkuman intisari MADANI.

Beliau turut mencadangkan agar kerajaan menyediakan subsidi faedah pinjaman perumahan untuk pembeli rumah kali pertama di bawah kategori B40 dan M40.

Katanya, ia bertujuan memudahkan pembeli rumah kali pertama memiliki dan membeli kediaman mereka dengan kos pinjaman dan komitmen bulanan lebih rendah.

"Kerajaan juga harus menyediakan pinjaman baki beza pinjaman bank kepada pembeli B40 yang layak dengan tujuan menyediakan bantuan kewangan kepada isi rumah berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

"Selain itu, kerajaan juga perlu mengawal harga bahan mentah sebagai langkah mengawal kos bahan mentah yang digunakan dalam pembinaan untuk menjadikan kos perumahan lebih mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah khususnya," katanya.

Ahmad Soalahuddin turut mencadangkan agar pemaju diberi peluang oleh kerajaan untuk memindahkan keperluan pembinaan rumah mampu milik kepada kawasan tanah yang mempunyai permintaan lebih tinggi atau kos infra dan nilai tanah yang lebih rendah.

Jelas beliau, ia untuk mengoptimalkan penggunaan sumber tanah dengan membenarkan pemaju memindahkan keperluan rumah mampu milik.